

Pelaksanaan WTO, AFTA perlu penyesuaian

JM 2 1 JUL 2004

KUALA LUMPUR 20 Julai
— Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat pelaksanaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) perlu disesuaikan dengan keupayaan pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara anggota.

Bekas Perdana Menteri berkata, negara-negara besar terutama anggota WTO perlu menyesuaikan semula konsep perdagangan bebas mereka supaya pasaran produk negara kecil tidak terlalu terjejas oleh persaingan.

“Apa yang penting sekarang terutama agenda WTO itu perlu disesuaikan dengan keadaan ekonomi negara-negara anggota supaya dapat sama-sama membantu dalam persaingan ekonomi yang sihat,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap-tama pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi anjuran Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM) di Hotel Pan Pacific, di sini hari ini.

Beliau berpendapat, kalangan anggota WTO dan AFTA tidak hanya memasarkan barangan siap, sebaliknya perlu menjalin kerjasama dari segi pengeluaran produk menerusi usaha sama dengan syarikat tempatan.

Dr. Mahathir berkata, umpamanya pemasangan komponen atau reka bentuk industri automotif boleh dilakukan oleh syarikat tempatan berbanding dengan syarikat negara lain yang pula membekalkan sejumlah komponen utama sahaja.

Menurutnya, langkah itu bukan sahaja memberi peluang pekerjaan, malah pengguna akan berpeluang untuk memiliki model kenderaan buatan tempatan yang menepati cita rasa mereka.

Katanya, pemimpin dan pakar ekonomi mahupun tenaga akademik boleh menyuarakan serta mempraktikkan idea praktikal mereka yang sesuai dengan keperluan tempatan bukan sahaja dalam isu menghadapi persaingan pasaran bebas WTO dan AFTA, malah dalam pelbagai konflik ekonomi.

Dr. Mahathir berkata, pelbagai teori ekonomi telah dikemukakan dalam usaha untuk mengatasi krisis berkenaan, namun tidak kesemua teori itu berhasil.

“Apa yang sebenarnya berlaku dalam perkembangan ekonomi dunia mungkin disebabkan teori ekonomi yang tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan negara-negara adalah berbeza.